



PARLIMEN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PELANTIKAN YBRS.PUAN NOR YAHATI BINTI AWANG SEBAGAI KETUA PENTADBIR PARLIMEN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 04 Januari 2021 : Yang Berusaha Puan Nor Yahati binti Awang telah dilantik sebagai **Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia (KPPM)** bagi menggantikan Yang Berbahagia Datuk Kamis bin Samin yang bertukar ke Biro Pengaduan Awam, Jabatan Perdana Menteri berkuat kuasa 04 Januari 2021.

Pelantikan YBrs. Puan Nor Yahati binti Awang ini telah mencipta sejarah menjadi wanita pertama yang dilantik sebagai Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia yang ke-6 sejak pewujudan jawatan tersebut pada tahun 2005.

Beliau adalah lulusan Ijazah Sarjana Sastera dalam Bidang Pembangunan Antarabangsa (Pengkhususan dalam Ekonomi) dari Universiti Antarabangsa, Jepun pada tahun 2002 dan pemegang Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan Kepujian (Pengkhususan dalam Bimbingan dan Kaunseling) dari Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 1994.

Mula berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) pada 25 Januari 1995 serta mempunyai pengalaman yang luas dalam perkhidmatan awam selama 26 tahun di beberapa jabatan yang penting seperti di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Perbendaharaan Malaysia, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Khazanah Nasional Berhad dan Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM).

Seluruh warga Parlimen Malaysia merakamkan ucapan tahniah dan selamat datang kepada YBrs. Puan Nor Yahati binti Awang atas pelantikan ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada YBhg. Datuk Kamis bin Samin atas jasa dan khidmat bakti beliau sepanjang berkhidmat di Parlimen Malaysia dari 07 Januari 2019 hingga 03 Januari 2021.

**Bahagian Komunikasi Korporat (BKK)
Parlimen Malaysia**

05 Januari 2021 / 21 Jamadilawal 1442